

# PELAN STRATEGI SYIAH 50 TAHUN MENGUASAI DUNIA ISLAM

*Dokumen ini disebarikan oleh Ikatan Ahlus Sunnah di Iran dan juga majalah-majalah di beberapa negara ahlus sunnah, termasuk di antaranya Majalah al-Bayan, edisi 123, Mac 1998. Teks asal adalah dalam bahasa Parsi dan diterjemahkan ke dalam bahasa Arab oleh Dr. Abdul Rahim al-Balusyi.*

Teks dalam buku ini adalah dari sebuah buku yang bertajuk:

الخطة الخمسينية وإسقاطها في مملكة البحرين

تأليف: الدكتور / هادف الشمري

## PELAN SYIAH 50 TAHUN MENJATUHKAN KERAJAAN BAHRAIN

Dr. Haadif al-Syamari

Cetakan kedua 1429H/2008

---

## **KANDUNGAN**

**m/s**

**PELAN RAHSIA SYIAH 50 TAHUN**

**1**

**Teori Memperkuat Benteng-Benteng Negara**

**2**

**Kategori Penduduk Di Kawasan Ini**

**3**

**Beberapa Peringkat Dalam Melancarkan Revolusi Ini**

**4**

**Beberapa Peringkat Penting Dalam Perjalanan Misi Ini**

**5**



## الخطة الخمسينية السرية

**PELAN RAHSIA SYIAH 50 TAHUN**

Bila kita tidak mampu untuk membawa dan menyebarkan revolusi ini ke negara-negara muslim, pasti akan terjadi yang sebaliknya iaitu peradaban mereka - yang telah tercemar budaya barat - akan menyerang dan menguasai kita.

Alhamdulillah, berkat anugerah Allah dan pengorbanan para pengikut imam yang berani berdirilah sekarang di Iran, Negara Syiah Itsna Asyariyyah (Syiah Imam 12), setelah perjuangan berabad-abad lamanya. Oleh kerana itu, - atas dasar petunjuk para pimpinan Syiah yang mulia - kita menunaikan amanat yang berat dan bahaya, iaitu: melancarkan revolusi.

Kita hendaklah mengaku bahawa pemerintahan kita adalah pemerintahan yang berasaskan mazhab Syiah, di samping tugasnya melindungi kemerdekaan negara dan hak-hak rakyatnya. Maka wajib bagi kita untuk menjadikan revolusi ini sebagai objektif yang paling utama. Akan tetapi, kerana melihat perkembangan dunia masakini dengan peruntukan undang-undang antarabangsa, tidak mungkin bagi kita untuk melancarkan revolusi ini. Bahkan mungkin ianya mendatangkan risiko besar yang boleh mengancam kewujudan kita sendiri.

Dengan alasan ini, maka setelah mengadakan tiga pertemuan dan ianya menghasilkan keputusan, yang disepakati oleh hampir seluruh anggota, kami menyusun strategi jangka panjang lima puluh tahun, yang terdiri dari lima peringkat. Setiap peringkat adalah selama sepuluh tahun, yang bertujuan untuk melancarkan revolusi Islam ini ke seluruh negara jiran, dan menyatukan kembali dunia Islam (dengan menjadikannya Syiah).

Bahaya yang kita hadapi dari para pemimpin Wahabi dan mereka yang beraliran Ahlus Sunnah jauh lebih besar dibandingkan bahaya yang datang dari mana-mana pihak, baik dari timur ataupun barat. Ini adalah kerana orang-orang Wahabi dan Ahlus Sunnah selalu menentang pergerakan kita. Merekalah musuh utama "Wilayatul al-fakih" dan para imam yang ma'shum. Bahkan mereka beranggapan bahawa menjadikan ideologi Syiah sebagai landasan negara adalah hal yang bertentangan dengan agama dan adat. Ini bermakna mereka telah memecahkan dunia Islam menjadi dua kubu yang saling bermusuhan.



Atas dasar ini:

Kita wajib menambah kekuatan di daerah-daerah yang mempunyai penduduk Ahlus Sunnah di Iran, khususnya bandar-bandar di persempadanan. Kita hendaklah menambah masjid-masjid dan husainiyyat kita di sana. Di samping kerap dan serius dalam mengadakan acara-acara peringatan ritual Syiah.

Kita juga hendaklah mencipta keadaan yang kondusif di bandar-bandar yang dihuni oleh 90-100% penduduk Ahlu Sunnah supaya kita dapat menghantar (dalam jumlah besar) kader-kader Syiah dari bandar dan desa pedalaman ke daerah-daerah tersebut, untuk tinggal secara tetap, bekerja, dan berdagang di sana. Dan merupakan kewajiban negara dan agensi-agensinya untuk memberikan perlindungan kepada mereka yang diutus untuk menempati daerah itu. Dengan tujuan agar pada suatu masa, mereka dapat memperoleh kedudukan di berbagai jabatan kerajaan, pusat pendidikan dan perkhidmatan awam, yang sekarang masih dipegang oleh golongan Ahlus Sunnah.

Strategi yang kami buat untuk melancarkan revolusi ini, tidak seperti anggapan kebanyakan orang, akan berhasil tanpa adanya kekacauan, pertumpahan darah bahkan penentangan dari kekuatan terbesar dunia. Sungguh belanja besar yang kita habiskan untuk membiayai misi ini tidak akan hilang tanpa pulangan.

#### **Teori Memperkuat Benteng-Benteng Negara:**

Kita tahu bahawa kunci utama untuk menguatkan benteng-benteng setiap negara dan perlindungan terhadap rakyatnya adalah tiga asas utama berikut:

- Pertama: Kekuatan yang dimiliki oleh pemerintahan yang sedang berkuasa.
- Kedua: Ilmu dan pengetahuan yang dimiliki oleh para ulama dan sarjananya.
- Ketiga: Ekonomi yang terkumpul pada kelompok kapitalis.

Apabila kita mampu menggoncang kerajaan dengan cara membangkitkan permusuhan di antara ulama dan pemerintah. Atau memecah kekuatan para usahawan dan kapitalis di negara itu, dengan menarik modalnya ke negara kita atau ke negara lain, tidak diragukan lagi, kita telah berjaya dengan gemilang dan menarik perhatian dunia. Kerana kita telah meruntuhkan tiga tonggak tersebut.

Adapun rakyat biasa setiap negara yang berjumlah sekitar 70-80%, mereka hanyalah mengikut undang-undang dan pemerintahan yang menguasainya. Mereka disibukkan oleh tuntutan hidup untuk mencari rezeki, makanan dan tempat tinggal. Oleh kerana itu mereka



akan menyokong siapa saja yang memerintah. Dan untuk naik ke bumbung rumah, kita hendaklah menaiki tangga utamanya.

Negara-negara jiran kita dari golongan Ahlus Sunnah dan Wahabi adalah: Turki, Irak, Afganistan, Pakistan, dan negara-negara kecil di sempadan selatan, serta gerbang negara Teluk Parsi, yang kelihatan seolah-olah negara-negara yang bersatu, padahal sebenarnya berpecah-belah. Negara-negara ini adalah kawasan yang sangat strategik, baik di masa lalu, mahupun di masa-masa yang akan datang. Ia juga ibarat jelapang minyak dunia. Tidak ada di muka bumi ini kawasan yang lebih strategik dan lebih bernilai daripadanya. Para pemerintah di kawasan ini memiliki taraf hidup yang tinggi hasil dari industri minyaknya.

### **Kategori Penduduk Di Kawasan Ini:**

Penduduk di kawasan ini terbahagi kepada tiga golongan:

- Pertama: Penduduk Badwi dan padang pasir, yang telah ada sejak beratus-ratus tahun lalu.
- Kedua: Pendatang yang berhijrah dari berbagai pulau dan pelabuhan, yang telah berhijrah sejak zaman pemerintahan Syah Isma'il as-Shofawi, dan terus berlangsung hingga zaman Nadirsyah Afsyar, Karim Khan Zind, Raja al-Qojar dan keluarga al-Bahlawi. Dan telah banyak perjalanan hijrah dari waktu ke waktu, sejak mulainya revolusi Islam.
- Ketiga: Mereka yang berasal dari negara arab lainnya, dan bandar-bandar pedalaman Iran.

Adapun perdagangan hartanah, perusahaan import eksport dan pembinaan, biasanya dikuasai oleh bukan penduduk asal. Sedangkan penduduk asal, kebanyakan mereka hidup dengan menyewa rumah dan jual-beli tanah. Mengenai keluarga golongan pemerintah, biasanya mereka hidup dari pendapatan dari penjualan hasil minyak buminya.

Adapun kerosakan masyarakat, budaya, banyaknya amalan dan budaya yang menyimpang dari Islam, ianya amat jelas kelihatan. Kerana majoriti penduduk negara-negara ini telah hanyut dalam kenikmatan dunia, kefasikan dan perbuatan keji. Banyak dari mereka yang mulai membeli hartanah, saham perusahaan, dan menyimpan modal dan dana di Eropah dan Amerika, khususnya di Jepun, England, Sweden, dan Switzerland, kerana bimbang akan runtuhnya negara mereka di masa-masa akan datang.

Sesungguhnya dengan menguasai negara-negara ini, bermakna kita telah menguasai setengah dari seluruh dunia.



## Beberapa Peringkat Dalam Melancarkan Revolusi Ini

Untuk menjalankan misi panjang lima puluh tahun ini, langkah pertama yang mesti kita lakukan adalah: memperbaiki hubungan kita dengan negara-negara jiran dan hendaklah ada hubungan yang kuat dan sikap saling menghormati antara kita dengan mereka. Bahkan kita juga hendaklah memperbaiki hubungan kita dengan Irak, setelah perang berakhir dan Saddam Husein jatuh. Kerana menjatuhkan seribu kawan itu lebih ringan dibandingkan menjatuhkan satu lawan.

Dengan adanya hubungan politik, ekonomi dan budaya antara kita dengan mereka, tentunya akan masuk ejen-ejen dari Iran ke negara-negara ini. Sehingga memberi kesempatan kepada kita untuk menghantar wakil atau duta secara rasmi, yang hakikatnya adalah pelaksana program revolusi ini. Seterusnya kita akan tetapkan misi khusus mereka ketika menghantar mereka ke sana.

Janganlah kita beranggapan bahawa lima puluh tahun adalah tempoh yang panjang. Kerana berjayanya rancangan kita ini benar-benar memerlukan perancangan yang panjang sehingga dua puluh tahun. Sesungguhnya tersebarnya fahaman Syiah yang kita rasakan di banyak negara saat ini bukanlah hasil dari perancangan satu atau dua hari.

Dahulu, kita tidak memiliki seorang pun pegawai di mana-mana negara, apalagi wakil dengan jawatan menteri, wakil negara dan presiden. Bahkan sebelum dari ini banyak kelompok seperti Wahabi, Syafi'iah, Hanafiah, Malikiah dan Hanbaliah memandang kita sebagai golongan yang murtad dari Islam, sehingga pengikut mereka telah berkali-kali mengadakan pembunuhan ke atas kaum Syi'ah secara besar-besaran. Memang benar kita tidak merasakan pahitnya hari-hari itu, tetapi nenek-moyang kita pernah merasakannya. Kehidupan kita hari ini adalah hasil dari gagasan, pemikiran dan rancangan mereka. Mungkin juga kita tidak akan hidup di masa depan, akan tetapi revolusi dan mazhab kita akan tetap ada.

Untuk menunaikan misi ini, tidaklah cukup hanya dengan mengorbankan hidup atau apa yang paling berharga tetapi juga memerlukan pelan dan program yang telah dikaji secara sempurna.

Hendaklah ada perancangan untuk masa depan, walaupun untuk lima ratus tahun akan datang, apatah lagi hanya untuk lima puluh tahun sahaja. Kerana kita adalah pewaris berjuta-juta syuhada', yang gugur di tangan syaitan-syaitan yang mengaku muslim. Darah mereka terus mengalir dalam sejarah, sejak meninggalnya Rasul hingga ke hari ini. Dan cucuran darah itu tidak akan kering. Sehingga setiap orang yang mengaku muslim, meyakini hak Ali dan keluarga Rasulullah, mengakui kesalahan nenek-moyang mereka, dan mengakui Syiah sebagai pewaris utama ajaran Islam.



## Beberapa Peringkat Penting Dalam Perjalanan Misi Ini

### Peringkat Pertama (Sepuluh Tahun Pertama):

Kita tidak ada masalah dalam menyebarkan mazhab Syi'ah di Afganistan, Pakistan, Turki, Iran dan Bahrain. Kerana itu, kita akan menjadikan peringkat sepuluh tahun kedua, sebagai peringkat pertama di lima negara ini.

Sedangkan tugas para wakil kita di negara-negara lain adalah tiga perkara:

- Pertama: Membeli hartanah, perumahan dan perhotelan.
- Kedua: Menyediakan pekerjaan-pekerjaan, keperluan hidup dan kemudahannya kepada para pengikut Syiah, agar mereka selesa tinggal di rumah yang dibeli, sehingga bertambah banyak jumlah penduduk yang sama ideologi dengan kita.
- Ketiga: Membangun jaringan dan hubungan yang kuat dengan ahli perniagaan di pusat perdagangan, dengan para pegawai kerajaan, khususnya mereka yang menjawat jawatan tinggi, dengan tokoh-tokoh awam dan dengan sesiapa yang memiliki kedudukan untuk membuat keputusan penuh di berbagai agensi kerajaan.

Di sebahagian negara-negara ini ada beberapa daerah yang sedang dalam projek pembangunan. Di sana ada rancangan projek pembangunan untuk puluhan kampung dan bandar kecil lainnya. Tugas penting para wakil yang kita kirim adalah membeli sebanyak mungkin rumah di daerah itu untuk kemudiannya dijual dengan harga yang sesuai kepada orang yang ingin menjual hartanya di pusat bandar. Sehingga dengan langkah ini, kota yang padat penduduknya boleh kita rebut dari tangan mereka.

### Peringkat Kedua (Sepuluh Tahun Kedua):

Kita hendaklah mendorong masyarakat Syiah untuk menghormati undang-undang, taat kepada para pemerintah dan pegawai negara serta berusaha mendapatkan surat kebenaran rasmi untuk berbagai acara ritual Syiah, pembinaan masjid, dan husainiyyat (tempat-tempat perhimpunan Syiah). Surat kebenaran rasmi tersebut akan kita gunakan sebagai tanda bukti rasmi di masa-masa akan datang untuk mengadakan berbagai program dengan bebas.

Kita juga mestilah tumpukan pada kawasan yang padat penduduknya untuk kita jadikan sebagai tempat diskusi tentang masalah-masalah (Syiah) yang sangat sensitif.



Para wakil Syiah pada dua peringkat ini dikehendaki untuk mendapatkan kewarganegaraan dari negara tempat tinggalnya dengan memanfaatkan hubungan atau dengan menyogokkan hadiah yang bernilai. Mereka juga hendaklah mendorong wakil-wakilnya agar menjadi kakitangan kerajaan dan menyertai angkatan tentera.

**Pada pertengahan peringkat kedua:** Hendaklah digembar-gemburkan (secara rahsia dan tidak langsung) bahawa ulama Ahlus Sunnah dan Wahabi adalah penyebab kerosakan dalam masyarakat dan penyebab berbagai penyelewengan syariat yang banyak terjadi di negara itu. Ini kita lakukan melalui risalah-risalah yang mengkritik atas nama institusi agama atau tokoh ahlus sunnah dari negara lain. Tidak syak lagi, ini akan memprovokasi sejumlah besar rakyat negara itu sehingga pada akhirnya mereka akan menangkap pimpinan agama atau tokoh ahlus sunnah yang dituduh itu. Atau kemungkinan juga rakyat negara itu akan menolak isi risalah tersebut dan para ulamanya akan membantahnya dengan sekuat tenaga. Dan setelah itu kita timbulkan suanana huru-hara yang mengakibatkan dilucutkan jawatan orang yang bertanggungjawab atau digantikannya dengan pegawai yang baru.

Langkah ini akan menyebabkan hilangnya kepercayaan kerajaan kepada ulama-ulama di negaranya. Sehingga menyebabkan mereka tidak dapat lagi menyebarkan agama, membangun masjid dan pusat pendidikan agama. Selanjutnya kerajaan akan menganggap seluruh seruan yang berbau agama sebagai melanggar undang-undang negara.

Sebagai tambahan, ianya akan menyemarakkan lagi rasa benci dan saling menjauhi di antara pemerintah dan ulama di negara itu. Sehingga Ahlus Sunnah dan Wahabi akan kehilangan tempat berlindung dalam negara mereka sendiri sedangkan tidak mungkin ada orang yang akan melindungi mereka dari luar.

#### **Peringkat Ketiga (Sepuluh Tahun Ketiga):**

Pada peringkat ini telah wujud jaringan yang kuat antara wakil-wakil kita dengan ahli perniagaan dan pegawai atasan. Di antara mereka juga banyak yang telah menganggotai angkatan tentera dan tampuk pemerintahan yang bekerja dengan tenang dan berwaspada tanpa ikut campur tangan dalam urusan agama. Sehingga kepercayaan pemerintah lebih meningkat dari sebelumnya.

Pada peringkat ini, di saat munculnya perseteruan, perpecahan dan suasana yang panas di antara pemerintah dan ulama, sebahagian ulama terkemuka Syiah yang telah menjadi penduduk negara itu hendaklah mewartakan sokongan mereka kepada pemerintah negara itu, khususnya pada musim-musim ritual keagamaan (Syiah), sekaligus menonjolkan bahawa Syiah adalah aliran yang tidak membahayakan kekuasaan mereka.





Apabila situasi memungkinkan mereka untuk berinteraksi melalui media-media maklumat, maka janganlah ragu-ragu untuk memanfaatkannya untuk menarik perhatian para penguasa, sehingga mereka gembira dan selesa dan seterusnya menempatkan wakil-wakil kita dalam jabatan kerajaan tanpa ada rasa takut atau was-was.

Pada peringkat ini, dengan adanya perubahan yang terjadi di banyak pelabuhan, pulau, dan bandar lainnya di negara kita, ditambah dengan perdagangan asing perbankan kita yang terus meningkat, kita akan merancang langkah-langkah untuk menjatuhkan ekonomi negara-negara jiran. Tentu saja para ahli perniagaan dengan alasan keuntungan, keselesaan dan kestabilan ekonomi, akan membuka akaun mereka di negara kita; dan ketika kita memberikan kebebasan kepada semua orang untuk menjalankan kegiatan ekonominya, dan mengelolakan akaun banknya di negara kita, tentunya negara mereka akan menyambut rakyat kita, malah akan memberikan kemudahan dalam kerjasama ekonomi.

#### **Peringkat Keempat (Sepuluh Tahun Keempat):**

Pada peringkat ini, telah terhampar di depan kita suasana dimana banyak negara yang para pemerintah dan ulamanya saling bermusuhan, ahli perniagaan yang hampir mufliis dan lari, serta masyarakat yang bergolak sehingga sanggup menjual hartanya dengan separuh harga supaya mereka dapat pindah ke tempat yang lebih aman.

Di saat genting ini, para wakil kita akan menjadi pelindung bagi undang-undang dan para pemerintah. Apabila para wakil itu bekerja dengan sungguh-sungguh, tentunya mereka akan mendapatkan jawatan-jawatan penting dalam kerajaan dan ketenteraan. Sehingga dapat mempersempit jurang pemisah antara para ahli perniagaan yang ada dengan para pemerintah.

Keadaan seperti ini membolehkan kita menuduh mereka yang bekerja dengan jujur dengan pemerintah sebagai para pengkhianat negara dan ini akan menyebabkan mereka diberhentikan bahkan diusir dan digantikan dengan ejen-ejen kita.

Langkah ini akan menghasilkan dua keuntungan iaitu pertama: Pengikut kita akan mendapat kepercayaan yang lebih baik dari sebelumnya. Kedua: Kebencian Ahlus Sunnah akan semakin meningkat kerana meningkatnya kekuatan Syiah di berbagai agensi kerajaan. Ini akan mendorong Ahlus Sunnah untuk meningkatkan langkah menentang pemerintah. Di saat seperti itu, wakil-wakil kita harus berganding membela pemerintah dan mengajak masyarakat untuk berdamai dan tetap tenang. Dan pada waktu yang sama mereka akan membeli kembali rumah dan harta yang dahulunya mereka tinggalkan.



### **Peringkat Kelima (Sepuluh Tahun Terakhir):**

Pada sepuluh tahun kelima, tentunya iklim dunia telah sedia untuk menerima revolusi kerana kita telah merobohkan tiga benteng utama dari mereka yang meliputi: keamanan, ketenangan, dan kesejahteraan. Sedangkan kerajaan yang berkuasa akan menjadi seperti kapal di tengah ribut dan nyaris tenggelam sehingga menerima apa saja saranan yang akan menyelamatkannya.

Di saat seperti ini, kita akan memberikan cadangan melalui beberapa orang tokoh penting dan terkenal, untuk membentuk himpunan rakyat dalam usaha memperbaiki keadaan negara. Dan kita akan membantu pemerintah untuk mengawasi berbagai agensi untuk mengamankan negara. Tidak syak lagi tentunya mereka akan menerima cadangan itu sehingga para ejen-ejen pilihan kita akan memperoleh hampir semua kerusi di dalamnya. Kenyataan ini tentu akan menyebabkan larinya para ahli perniagaan, ulama dan pegawai yang setia kepada kerajaan sehingga kita akan dapat meresapkan revolusi Islam kita ke seluruh negara tanpa menimbulkan peperangan ataupun pertumpahan darah.

Seandainya pada sepuluh tahun terakhir rencana ini tidak membuahkan hasil, kita tetap dapat mengadakan revolusi rakyat dan merebut kekuasaan dari tangan pemerintah negara tersebut.

Apabila penganut Syiah adalah penduduk, penghuni dan rakyat negara itu maka bermakna kita telah menunaikan kewajiban yang dapat kita pertanggung-jawabkan di depan Allah, agama dan mazhab kita. Bukan tujuan kita untuk melantik seseorang kepada pucuk pimpinan tetapi tujuan kita hanyalah menjalankan revolusi sehingga kita mampu mengangkat bendera kemenangan agama Tuhan ini dan menyebarkan nilai-nilai kita di seluruh negara. Selanjutnya kita mampu maju melawan dunia kafir dengan kekuatan yang lebih besar dan menghias alam dengan cahaya Islam dan ajaran Syiah sampai datangnya Imam Mahdi yang dinantikan.

